



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH
KOMPLEKS PENDIDIKAN, JALAN STADIUM
05604 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-740 4000
Faks : 04-740 4342
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj.Kami: JPK.SKPP.UNP.500-3/13/1 (17)
Tarikh : 14/05/2019

Semua Pegawai Pendidikan Daerah
Semua Pengetua Sekolah Menengah
Semua Guru Besar Sekolah Rendah

Tuan,

**URUSAN PINDAAN DAN PENARIKAN BALIK TARIKH KENAIKAN PANGKAT SECARA
TIME-BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN (TBBK) BAGI PEGAWAI
PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) GRED DG44 HINGGA KE GRED DG54 DI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada surat Kementerian Pendidikan Malaysia **KPM.BPSM.S.500-1/2/18 Jilid 2 (18)** bertarikh **30 April 2019** mengenai perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dipanjangkan surat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk makluman dan perhatian sepenuhnya oleh pihak tuan.
3. Segala perhatian dan kerjasama tuan berikan dalam melancarkan perkara ini adalah sangat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”
“ KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH ”
“ PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG ”

Saya yang menjalankan amanah,


(SAIDI BIN SHAARI)

Ketua Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan,
b.p. Pengarah Pelajaran Negeri Kedah Darul Aman.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
 (Ministry Of Education Malaysia)
 BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
 (Human Resource Management Division)
 ARAS 1-5 DAN 12-14, BLOK E12, KOMPLEKS E
 PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
 62604 PUTRAJAYA

Telefon : +603-8884 6000 (Talian Umum)
 Faks : +603-8888 6292
 Laman web : http://www.moe.gov.my



Ruj. Kami: KPM.BPSM.S.500-1/2/18 Jilid 2(18)

Tarikh: 30 April 2019

- Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia
 Semua Ketua Jabatan / Bahagian
 Pengarah Institut Aminuddin Baki
 Semua Pengarah Pendidikan Negeri
 Semua Pengarah Institut Pendidikan Guru Kampus
 Semua Pengarah Kolej Matrikulasi
 Semua Pegawai Pendidikan Daerah
 Semua Ketua Jabatan Pegawai Kader / Pinjaman

PEJABAT PENGARAH JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH			TP
<input checked="" type="checkbox"/> Lindakan	<input type="checkbox"/> Dita Hadir	<input type="checkbox"/> Fail	KSPS
<input type="checkbox"/> Maklaman	<input type="checkbox"/> Sila Hadir	<input type="checkbox"/> Sila Fail	KSPA
Nota : 13 MAY 2019			KSPK
			<input checked="" type="checkbox"/> KSK2P
			<input checked="" type="checkbox"/> KSP
			<input type="checkbox"/> KSPPI
			<input type="checkbox"/> KSKJ
			<input type="checkbox"/> KSPMCT
			<input type="checkbox"/> KSPSPK
			<input type="checkbox"/> KSPPK
			<input checked="" type="checkbox"/> KPPBTPN
			<input type="checkbox"/> PA

K. a. (N. K. P. K. T.)
atq p. h. a. b. a. n.
31415

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs. Dr / Tuan / Puan,

URUSAN PINDAAN DAN PENARIKAN BALIK TARIKH KENAIKAN PANGKAT SECARA TIME-BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN (TBBK) BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) GRED DG44 HINGGA KE GRED DG54 DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.


2. Untuk makluman berdasarkan semakan oleh Urus Setia Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP) masih terdapat kesilapan fakta atau maklumat tidak tepat mengenai kenyataan perkhidmatan pegawai-pegawai yang diperakukan kenaikan pangkat oleh Ketua-Ketua Jabatan.

3. Kesilapan maklumat perkhidmatan pegawai-pegawai yang berlaku telah menyebabkan keputusan kenaikan pangkat mereka yang terlibat perlu dibuat pindaan atau ditarik balik. Ini telah menyebabkan kutipan balik emolumen terlebih bayar (jika ada) perlu dibayar oleh pegawai setelah dibuat pelarasan semula.
4. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP) No.1 Bilangan 2 Tahun 2019 yang bersidang pada 03 April 2019 telah meminta agar semua Ketua Jabatan memberikan perhatian mengenai perkara ini untuk memastikan maklumat perkhidmatan pegawai-pegawai yang diperakukan untuk urusan kenaikan pangkat adalah teratur bagi mengelakkan pindaan terhadap kenaikan pangkat pegawai.
5. Semua permohonan bagi membuat pindaan/penarikan balik kenaikan pangkat pegawai oleh Ketua Jabatan hendaklah disertakan bersama dengan perkiraan implikasi kewangan yang terlibat. Sekiranya pindaan kenaikan pangkat tersebut melibatkan pembayaran balik emolumen oleh pegawai, Ketua Jabatan juga dikehendaki mengemukakan jadual pembayaran balik yang perlu dipatuhi oleh pegawai bersama maklumat jumlah bayaran yang ditetapkan.
6. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs. Dr / Tuan / Puan mengenai perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menandatangani amanah,



(MOHD AMRAN BIN HASAN)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia.